



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 29/5/2011       |

## Dr. Mahathir dibenar keluar IJN

KUALA LUMPUR 28 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) sejak 18 Mei lalu kerana jangkitan kuman di dada, dibenarkan pulang ke rumah hari ini.

Menurut kenyataan oleh Pegawai Khasnya, Sufi Yusoff, Dr. Mahathir keluar dari UN kira-kira pukul 5 petang ini dengan diiringi oleh isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. AU.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu perlu terus melakukan senaman dan fisioterapi dada di rumah.

"Pada masa sama, doktor juga menasihati Dr. Mahathir agar berehat bagi memastikan sakit dada beliau sembuh sepenuhnya," katanya.



DR. Mahathir Mohamad bersalaman dengan kakitangan selepas dibenarkan keluar dari Institut Jantung Negara. Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA